

# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

Bil.6 Jun 2007/Jamadilawal - Jamadilakhir 1428H

ISSN 1675-1876 Naskah Percuma

D E W A N   B A N D A R A Y A   K U A L A   L U M P U R

## PERDANA MENTERI MALAYSIA LAWAT KL



Y.A.B Perdana Menteri Malaysia diiringi Y.Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur (kiri: berbaju melayu biru) ketika melawat PPR Intan Baiduri, Kepong - Gambar Berita Bandaraya

**Y**A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana lawatan tersebut telah dimulai dengan lawatan ke Bangunan Ibupejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Jalan Raja Laut. Antara menteri-menteri yang turut hadir sama di dalam lawatan ini ialah Y.B. Dato' Zulhasnan Rafique (Menteri Wilayah Persekutuan), Y.B. Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat) dan Y.B.M. Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor (Menteri Pelancongan).

Kemudiannya Y.A.B Perdana Menteri telah dibawa

melawat ke PPR Intan Baiduri yang terletak di Kepong Utara KL di mana PPR ini mempunyai sebanyak 1834 unit rumah (enam blok). Setiap rumah mempunyai 3 bilik tidur dengan keluasan 650 kaki persegi dan PPR ini turut dilengkapi dengan tadika, dewan, kedai, surau, padang permainan dan sekolah agama. Dalam lawatan kerja ini, Y.A.B. turut dibawa melawat ke rumah contoh bagi

melihat sendiri keadaan rumah yang didiami oleh warga kota di PPR berkenaan. Beliau kemudian bersolat Jumaat di Masjid Imam Al-Ghazali Bandar Manjalara Kepong bersama-sama penduduk setempat.

Sebelum mengakhiri lawatan, beliau juga sempat singgah ke Taman Segar/Taman Len Seng untuk mendengar taklimat daripada DBKL dan melihat sendiri projek-projek menaik taraf dan penambahbaikan yang sedang giat dijalankan di kawasan-kawasan tersebut. Taklimat yang diberikan adalah berkisar mengenai projek-projek penambahbaikan aliran lalulintas di kawasan sekitar Cheras.

# DARI MEJA DATUK BANDAR



Kuala Lumpur sebagai Ibu Negeri Malaysia menjadi tumpuan orang ramai tidak kira samada daripada segi perlancongan atau pun ekonomi. Oleh sebab ini, pengurusan Bandar Raya Kuala Lumpur harus dilaksanakan secara efisyen dan tersusun selain memerlukan perancangan yang teratur.

Dengan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berusaha membawa pelbagai perubahan serta menaik taraf kemudahan-kemudahan awam untuk keselesaan warga kota di mana proses ini telah dilaksanakan secara berperingkat.

Kerja-kerja menaik taraf jalan raya juga tidak terkecuali. Dengan pertambahan bilangan kenderaan setiap tahun, DBKL berusaha sedaya upaya agar jalan raya di sekitar Kuala Lumpur dapat menampung pertambahan ini. Perkara seperti nama-nama jalan juga turut diberi perhatian kerana nama-nama jalan yang tidak tersusun akan mengakibatkan kekeliruan kepada orang ramai dan juga kepada para pelancong.

Selain memberi perhatian kepada penambahbaikan terhadap jaringan lalulintas, DBKL juga turut menitikberatkan rangkaian penyampaian perkhidmatan kepada warga kota. Satu Sistem Pusat Setempat telah diwujudkan bertujuan untuk mempercepatkan proses permohonan kelulusan perancangan, kelulusan pelan bangunan dan kelulusan

pembangunan tanah yang mana sistem ini melibatkan beberapa jabatan di dalam DBKL. Dengan adanya sistem ini warga kota kini boleh berurusan dengan lebih mudah dan pantas.

Perubahan demi perubahan dialami seiring dengan peredaran masa dan kesesuaian zaman untuk memenuhi kehendak dan keperluan semasa. DBKL sendiri juga tidak terlepas daripada mengalami perubahan ini. Pada tahun ini, DBKL menyaksikan persaraan beberapa pengarah jabatan yang bersara wajib di mana kehilangan mereka yang merupakan pakar dalam bidang-bidang yang tertentu ini sedikit sebanyak pasti akan memberi kesan kepada DBKL. Pengalaman mereka ini amat berharga namun masakan mereka dapat berbakti selamanya kepada DBKL. DBKL amat berterima kasih di atas segala budi serta bakti yang telah ditabur selama ini dan mendoakan agar mereka sentiasa berada dalam sihat dan bahagia bersama keluarga.

*Patah tumbuh hilang berganti,* begitulah lumrah kehidupan. Kehilangan para pengarah ini diganti pula dengan kehadiran seramai 5 orang Ahli-ahli Lembaga Penasihat yang baru daripada pelbagai latarbelakang. Warga DBKL mengucapkan selamat datang kepada mereka dan berharap dengan perlantikan mereka ini, idea-idea baru dapat dikongsi bersama dalam usaha memajukan Kuala Lumpur agar menjadi sebuah bandar raya bertaraf dunia.

## Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.** e-mel: [akhbar@dbkl.gov.my](mailto:akhbar@dbkl.gov.my) Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan  
**Ketua Editor:** Y.Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup  
**Editor:** Mohd Sidek Bin Khalid  
**Sub-Editor:** Nur Diana Bt Md Ghazali  
**Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

# PERTANDINGAN MELUKIS DAN MENULIS ESEI

Bersempena dengan Penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan satu pertandingan melukis peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Pertandingan ini bertujuan untuk melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja dalam perancangan pembangunan Kuala Lumpur serta memupuk rasa ‘sense of belonging’ di kalangan warga kota. Peserta pertandingan melukis ini akan diadili berdasarkan beberapa kategori iaitu:

Kategori A: 10 tahun – 12 tahun

Kategori B: 13 tahun – 15 tahun

Kategori C: 16 tahun – 18 tahun

Para peserta dikehendaki menghasilkan karya berdasarkan tema yang ditentukan iaitu ‘Kuala Lumpur 2020: Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia’. Skopnya adalah seperti yang berikut:

- Persekutuan kerja bertaraf dunia
- Persekutuan hidup bertaraf dunia
- Persekutuan niaga bertaraf dunia
- Urus tadbir bandar raya bertaraf dunia

Selain mengadakan pertandingan melukis, DBKL juga turut mengadakan pertandingan menulis esei di kalangan para pelajar sekolah menengah. Antara topik-topik yang diberikan adalah:

- Kemudahan masyarakat mesra pengguna
- Sistem pengangkutan awam dan pengurusan lalulintas yang efektif, efisyen dan mesra pengguna
- Persekutuan Kawasan Rizab Melayu, Kampung Tradisi, Kampung Baru yang berkualiti tinggi
- Persekutuan bandar raya mesra pelancong
- K-Ekonomi sebagai pemangkin pembangunan masa depan

Di mana para peserta dinilai berdasarkan kategori-kategori tersebut:

Kategori A: 13 tahun – 15 tahun

Kategori B: 16 tahun – 18 tahun



Wakil daripada sekolah-sekolah khusus mendengar taklimat yang diberi - Gambar Berita Bandaraya

Seramai 366 orang peserta daripada 149 buah sekolah rendah dan 76 buah sekolah menengah telah hadir semasa taklimat pertandingan-pertandingan ini pada 28 Jun 2007 di Bangunan Ibupejabat DBKL. Para peserta diberi masa bagi menyiapkan karya masing-masing dan semua penyertaan akan diadili oleh panel yang dilantik sebaik tarikh tutup penyertaan pada 26 Oktober 2007.

Melalui pertandingan ini, para pelajar sekolah dapat didebakkan mengenai penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur. Selain itu DBKL juga berupaya untuk memperolehi pandangan serta idea daripada para pelajar sekolah menerusi karya yang dihasilkan dalam usaha DBKL menyediakan Pelan Tempatan Kuala Lumpur yang komprehensif.

## Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam (8 pagi sehingga 5 petang)	- 03-2617 9925
Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)	- 1800 882 600
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)	- 03-4022 0033 / 4024 4424
Skuad Penyelamat (24 jam)	- 03-4023 1033 / 4023 1133
Unit Kecemasan (24 jam)	- 03-9284 3636 / 3434 / 3433

## Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800